

14/05/1997

Empat firma Ekran terajui kontrak Bakun

EMPAT syarikat anggota kumpulan Ekran Bhd (Ekran), yang terbabit dengan projek Empangan Hidro Elektrik Bakun, akan bertanggungjawab sebagai peneraju kepada semua kontrak kecil berkaitan pembangunan empangan itu.

Pengerusi Eksekutif Ekran, Tan Sri Ting Pek Khiing, berkata empat syarikat kumpulannya itu akan bertanggungjawab sebagai peneraju kepada komponen tempatan dalam projek Bakun.

Katanya, amnya empat syarikat berkenaan akan bertanggungjawab mengendalikan aspek pembabitan kontraktor tempatan dalam projek empangan yang dilaksanakan menerusi Bakun Hydro Electric Corporation Bhd (BHEC).

Sebelum ini, Ekran mengumumkan empat syarikat kumpulannya yang diberi hak berkenaan ialah Granite Industries Bhd (Granite), PWE Industries Bhd (PWE), Pacific Chemicals Bhd (Pac Chem) dan Wembley Industries Holdings Bhd (Wembley).

Beliau berkata, empat syarikat itu akan berunding dengan kontraktor utama projek Bakun iaitu konsortium ABB-CBPO untuk mengenal pasti kontraktor tempatan yang layak terbabit menjayakannya.

"Syarikat berkenaan akan memilih kontraktor yang layak untuk mengendalikan bahagian tertentu dalam projek berkenaan sepanjang pembinaan Empangan Bakun dikendalikan," katanya.

Ting berkata demikian kepada pemberita selepas majlis memeterai perjanjian penanggungan BHEC yang disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Kuala Lumpur, semalam.

Perjanjian itu yang membabitkan penanggungan 375 juta saham biasa RM1 seunit dimeterai dengan kerjasama 54 institusi kewangan dan diketuai Commerce International Merchant Bankers Bhd (CIMB).

Ditanya sama ada empat syarikat anggota kumpulan Ekran itu sudah diberikan kontrak terbabit, Ting berkata, tiada sebarang kontrak diberikan kerana yang ada hanyalah persefahaman dengan ABB-CBPO.

Sempena penyenaaraiannya di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), BHEC akan membuat terbitan awam membabitkan 375 juta saham biasa RM1 seunit pada harga RM2 sesaham kepada pelabur tempatan dan antarabangsa.

Prospektus bagi penyenaaraan BHEC itu yang dilakukan menerusi garis panduan bagi syarikat projek infrastruktur (IPC) akan dikeluarkan akhir bulan ini manakala pengapungannya ialah pada akhir Julai atau awal Ogos.

Selepas disenaraikan, Ekran akan memegang 32 peratus kepentingan BHEC, Kerajaan Negeri Sarawak (19 peratus), Sarawak Electricity Supply Corporation (9 peratus), pelabur awam (25 peratus) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Tenaga Nasional Bhd serta Khazanah Nasional Bhd (masing-masing lima peratus).

Berdasarkan harga tawaran awam permulaan RM2 seunit, dan modal berbayar RM1.5 bilion, BHEC akan mempunyai permodalan pasaran awal berjumlah RM3 bilion sebaik sahaja diapungkan.

BHEC akan menjual 1,600 Megawatt (MW) elektrik kepada TNB dan 100 mw kepada SESCO. Berdasarkan angka itu, jumlah perolehan penjualan elektrik syarikat itu sepanjang tempoh 30 tahun ialah RM73 bilion.

(END)